



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**5 MAC 2022**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 1,778 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 350,574 kes. Sebanyak tujuh (7) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu masing-masing satu (1) kes di Tuaran, Kota Kinabalu, Lahad Datu, Sandakan, Kota Belud, Tawau dan Beaufort. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembah ialah 3,325 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 308,920 orang. Manakala 1,460 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 941 orang di hospital, 498 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 18 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara dan tiga (3) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 57 orang merangkumi 48 di ICU/repurposed kritikal care serta sembilan (9) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 27 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada Perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes jangkitan baharu hari ini jatuh dibawah paras 2000 kepada 1,778 kes, 353 lebih rendah daripada jumlah semalam.
- b. Kota Kinabalu masih menjadi penyumbang utama kepada kes-kes harian di Sabah dengan 511 kes, penurunan sebanyak 166 kes berbanding jumlah kelmarin. Kes-kes daftar lewat (backlogs) di daerah ini yang banyak mempengaruhi jumlah kes harian juga telah berkurangan dan hari ini cuma 71 kes tertangguh yang melebihi 5 hari.
- c. Secara keseluruhan, terdapat tanda-tanda kearah penstabilan jumlah kes-kes harian. Sebagai perbandingan 17 daerah mencatat penurunan jumlah kes-kes baharu berbanding lapan (8) daerah yang merekodkan pertambahan. Hanya tiga (3) daerah mencatatkan kes-kes baharu pada kadar tiga (3) angka, iaitu Kota Kinabalu 511 kes, Penampang 206 kes dan Tuaran 168 kes. Sebanyak 21 daerah mencatatkan kes baharu dua (2) angka dan tiga (3) daerah lain masing-masing merekodkan kes-kes baharu satu (1) angka.
- d. Penstabilan dan penurunan kes-kes baharu banyak bergantung kepada sikap masyarakat dalam mematuhi semua SOP dan nasihat KKM. Sikap masyarakat menjadi penentu utama kepada kejayaan kita memerangi ancaman COVID-19. Peratusan kes-kes simptomatik yang berpunca daripada jangkitan sporadik dalam komuniti masih terlalu tinggi, iaitu 65.47% pada hari ini. Peratusan tinggi jangkitan sporadik adalah punca utama penularan virus dengan cepat dan meluas. Mengikut statistik hari ini, kes-kes simptomatik yang berpunca daripada jangkitan sporadik merupakan penyumbang utama kes-kes baharu di 23 daripada 27 daerah di Sabah.
- e. Sebanyak 1,745 atau 98.14% daripada 1,778 kes2 baharu hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2, 11 pesakit dalam Kategori 3, 13 orang dalam Kategori 4 dan sembilan (9) orang dalam Kategori 5.

## **ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	1	0.06%
2	Kontak	408	22.95%
3	Bergejala	1,164	65.47%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	205	11.52%
<b>JUMLAH</b>		<b>1,778</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (4 Mac 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 04/03/2022	Catatan Kes 05/03/2022	Perbandingan
1	Lahad Datu	19	46	+27
2	Tuaran	145	168	+23
3	Penampang	199	206	+7
4	Sipitang	54	59	+5
5	Kalabakan	8	12	+4
6	Ranau	23	24	+1
7	Nabawan	16	17	+1
8	Beluran	17	18	+1
3	Tongod	20	20	Mendatar
10	Semporna	6	6	Mendatar
11	Kota Kinabalu	677	511	-166
12	Tambunan	64	16	-48
13	Tenom	67	41	-26
14	Papar	122	97	-25
15	Putatan	36	15	-21
16	Keningau	97	77	-20
17	Kuala Penyu	45	26	-19
18	Kota Belud	100	83	-17
19	Kudat	28	11	-17
20	Telupid	23	10	-13
21	Pitas	28	17	-11
22	Sandakan	63	54	-9
23	Kinabatangan	18	9	-9
24	Beaufort	94	86	-8
25	Tawau	98	91	-7
26	Kota Marudu	58	54	-4
27	Kunak	6	4	-2
<b>JUMLAH</b>		<b>2,131</b>	<b>1,778</b>	<b>-353</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	95	333	0	83	511	13,661
Penampang	0	31	174	0	1	206	4,744
Tuaran	0	85	69	0	14	168	3,967
Papar	0	12	78	0	7	97	3,387
Tawau	0	6	71	0	14	91	2,431
Beaufort	0	20	56	0	10	86	1,817
Kota Belud	0	18	56	0	9	83	1,967
Keningau	0	19	48	0	10	77	1,831
Sipitang	0	18	34	0	7	59	742
Sandakan	0	4	50	0	0	54	1,647
Kota Marudu	0	25	27	0	2	54	1,097
Lahad Datu	0	2	25	0	19	46	1,008
Tenom	1	11	29	0	0	41	947
Kuala Penyu	0	22	4	0	0	26	718
Ranau	0	4	13	0	7	24	901
Tongod	0	3	15	0	2	20	322
Beluran	0	7	9	0	2	18	437
Pitas	0	0	17	0	0	17	439
Nabawan	0	5	12	0	0	17	406
Tambunan	0	13	3	0	0	16	558
Putatan	0	4	10	0	1	15	2,178
Kalabakan	0	0	11	0	1	12	111
Kudat	0	0	5	0	6	11	350
Telupid	0	2	7	0	1	10	405
Kinabatangan	0	2	3	0	4	9	247
Semporna	0	0	1	0	5	6	132
Kunak	0	0	4	0	0	4	260
<b>JUMLAH</b>	<b>1</b>	<b>408</b>	<b>1,164</b>	<b>0</b>	<b>205</b>	<b>1,778</b>	<b>46,710</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Tenom	Kluster Tolokoson Kem Dua	1
	<b>Jumlah</b>	<b>1</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 3,968 unit

- Hospital 1,761 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 1,967 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 212 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 36.79%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 5 MAC 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	1,760
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	2
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	15
<b>Jumlah</b>	<b>1,778</b>

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Indonesia	1
Ireland	1
<b>Jumlah</b>	<b>2</b>

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Johor	1
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>

ii. Kewarganegaraan

<b>Kewarganegaraan</b>	
Malaysia	1,709
Bukan Malaysia	69
<b>Jumlah</b>	<b>1,778</b>

iii. Status Vaksinasi

<b>Status Vaksinasi</b>	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	113
Belum Menerima Vaksin (5-11)	79
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	95
Menerima 1 Dos	19
Lengkap 2 Dos	873
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	599
<b>Jumlah</b>	<b>1,778</b>

iv. Umur

<b>Umur (Tahun)</b>	
<1	20
1-4	93
5 -11	96
12-17	62
18-29	445
30-39	478
40-49	245
50-59	162
60-69	98
70-79	50
80-89	24
>90	5
<b>Jumlah</b>	<b>1,778</b>

## **C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 4 Mac 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 14,611 orang. Daripada jumlah ini, seramai 12,189 orang adalah penduduk dewasa, 162 orang adalah penduduk remaja 2,260 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 2 setakat 4 Mac 2022 adalah seramai 2,516,590 orang. Ini meliputi 2,119,627 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.02% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,413,927 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,100,138 orang atau 77.31% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 339,164 orang atau 79.58% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 313,788 atau 73.62% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 57,799 atau 14.05% orang telah menerima 1 dos vaksin manakala penduduk kanak-kanak yang telah lengkap dos vaksin ialah 1 atau 0.00% orang.

## **D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **683,701** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS**

- 1 Satu (1) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan oleh PDRM seluruh Sabah.
  - Satu (1) Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka.

- 2 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 270 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 41 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.
- 3 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
- i Sebanyak 1,059 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun atau notis dikeluarkan pada hari ini
  - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 448 premis perniagaan dan 869 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun melanggar SOP Covid-19 dikeluarkan ke atas premis atau individu oleh DBKK.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 53 Premis Perniagaan melibatkan 33 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 129 anggota.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di empat (4) premis, melibatkan empat (4) buah BBP pada hari ini.
- 7 Sejumlah 128 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lapan (8) daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 389 hebahan di seluruh Sabah.

**F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	98.5%
2	Semporna	98.2%
3	Keningau	98.2%
4	Beluran	98.1%
5	Kudat	98.1%
6	Tenom	98.1%
7	Kota Marudu	98.1%
8	Lahad Datu	98.1%
9	Beaufort	98.1%
10	Sipitang	98%
11	Kota Belud	98%
12	Tawau	98%
13	Kinabatangan	98%
14	Sandakan	97.9%
15	Penampang	97.9%
16	Kota Kinabalu	97.9%
17	Papar	97.8%
18	Ranau	97.8%
19	Tuaran	97.7%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**